



**HUKUM MAYAT YANG DISIMPAN
LAMA ATAU DIKOREK SEMULA
UNTUK DIJADIKAN
SEBAGAI BAHAN KES DALAM
MAHKAMAH**



1. TUJUAN

Kertas ini disediakan untuk meminta pertimbangan dan pandangan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor mengenai "***Hukum Mayat Yang Disimpan Lama Atau Dikorek Semula Untuk Dijadikan Sebagai Bahan Kes Dalam Mahkamah***".

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Isu ini ditimbulkan dalam Mesyuarat Pengurusan JAKIM pada 28 Ogos 1999 mengenai status mayat yang disimpan lama atau dikorek semula untuk dijadikan sebagai bahan kes dalam mahkamah, sama ada mayat tersebut boleh disimpan lama atau tidak?
- 2.2. Justeru itu, mesyuarat tersebut telah mencadangkan supaya kertas fatwa mengenai perkara tersebut disedia dan dipanjangkan kepada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan untuk diputuskan.
- 2.3. Maklumat daripada Hospital Kuala Lumpur (HKL) menyatakan bahawa terdapat mayat orang Islam yang disimpan lama di antara masa seminggu hinggalah tiga bulan. Walaubagaimanapun tidak terdapat kes mayat yang disimpan lama untuk dijadikan sebagai bahan kes dalam mahkamah.
- 2.4. Mayat yang disimpan lama di hospital ini adalah kerana :
 - i. Kematian yang melibatkan kes polis, pihak hospital terpaksa menerima surat kebenaran daripada polis untuk mengebumikan jenazah.
 - ii. Kes kematian dalam wad, pihak hospital mempunyai kuasa untuk mengebumikan jenazah selepas 72 jam jika tidak dituntut oleh waris.
 - iii. Sesetengah jenazah lewat dikebumikan kerana pihak JAWI terpaksa menguruskan jenazah yang tidak dituntut di lain-lain hospital di sekitar Wilayah Persekutuan.

Untuk keterangan lanjut sila lihat lampiran A.

3. HUKUM MENYIMPAN LAMA ATAU MENGOREK SEMULA MAYAT UNTUK DIJADIKAN BAHAN KES DALAM MAHKAMAH

- 3.1. Tidak dinyatakan secara jelas di dalam al-Quran al-Karim dan Hadith Nabi s.a.w. mengenai hukum menyimpan lama atau mengorek semula mayat untuk dijadikan bahan kes dalam mahkamah.
- 3.2. Tetapi mengikut pendapat Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhamad bin Qudamah, Pengarang Kitab al-Mughni (المُعْنَى) (Juzuk 2, hlm. 391) menyatakan :

"harus mengorek semula kubur jika diyakini mayat tersebut telah hancur dan reput dan bolehlah ditanam mayat yang lain pula".

- 3.3. Oleh yang demikian, hukum menyimpan lama mayat atau mengorek semula untuk tujuan sebagai bahan kes dalam mahkamah adalah diharuskan kerana diqiaskan kepada hukum harus mengorek semula kubur dengan tujuan untuk ditanam dengan mayat yang lain. Ini juga berdasarkan perbuatan Muaz sendiri yang telah mengorek kubur isterinya.
- 3.4. Kaedah fiqh menyatakan bahawa:

"تَصْرُفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَوْطُؤٌ بِالْمَصْلَحَةِ"

iaitu ***"melaksanakan sesuatu urusan pemerintahan adalah berdasarkan maslahat kepada orang ramai supaya sesuatu perkara itu dapat diputuskan dengan adil oleh mahkamah"***.

- 3.5. Berdasarkan kaedah fiqh, mayat yang disimpan lama atau dikorek semula, perlu kepada bedah siasat (post mortem) ke atas mayat tersebut, supaya tidak timbul syak wasangka dan rasa tidak puas hati di kalangan ahli-ahli keluarga si mati dan masyarakat agar kematian seseorang itu disahkan oleh pakar perubatan bahawa ia bebas dan selamat daripada sebarang bentuk penganiayaan dan kezaliman. Ini kerana setiap perkara yang dilaksanakan pemerintah hendaklah menepati kehendak syarak iaitu menegakkan keadilan dan menghapuskan sebarang bentuk penyelewengan dan kezaliman.
- 3.6. Justeru itu, pihak pemerintah yang mewakili kuasa kepada mahkamah yang membicarakan kes-kes yang melibatkan jenayah

atau pembunuhan, berhak menggali semula kubur mayat yang disyaki telah dibunuh. Ini melibatkan kes yang berlaku kepada Allahyarham Y.B. Datuk Mazlan yang dibunuh oleh pasangan bomoh yang dikenali dengan nama Mona Fendi.

- 3.7. Di dalam hadith Nabi s.a.w. dinyatakan supaya setiap jenazah itu sunat ditanam segera, ini sebagaimana sabda nabi s.a.w:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَسْرِعُوا بِالْجَنَازَةِ فَإِنَّ تَكُ صَالِحَةً فَخَيْرٌ تَقَدَّمُوهَا إِلَيْهِ وَإِنْ تَكُ سُوءَى ذَلِكَ فَشَرٌّ تَضَعُونَهُ عَلَى رِقَابِكُمْ.

(متفق عليه)

Bermaksud:

"Hendaklah kamu bersegera menguruskan jenazah, maka sekiranya jenazah tersebut seorang yang soleh, maka itu adalah satu kebaikan yang kamu telah berikan kepadanya dan sekiranya jenazah tersebut tidak soleh, maka itu adalah satu kejahatan yang kamu letakkan di atas bahu-bahu kamu".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

4. SYOR

Berdasarkan fakta-fakta yang disebutkan di atas, dengan ini dipohon Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor memutuskan tentang **"Hukum mayat yang disimpan lama atau dikorek semula untuk dijadikan bahan kes dalam mahkamah"**.

LAMPIRAN A

BIL.	NAMA	UMUR	JANTINA	BANGSA	T/MATI	T/TANAM	KES
1.	Unknown	Dewasa	Lelaki	Melayu	12.2.99	31.2.99	Polis
2.	Unknown	40	Lelaki	Melayu	12.2.99	1.4.99	Polis
3.	Unknown	Dewasa	Lelaki	Melayu	18.2.99	4.3.99	Polis
4.	Ramlan	52	Lelaki	Melayu	20.2.99	18.3.99	Wad
5.	Unknown	40	Lelaki	Melayu	25.2.99	25.3.99	Polis
6.	Md. Sharii	30	Lelaki	Melayu	2.3.99	24.3.99	Wad
7.	Unknown	Dewasa	Lelaki	Melayu	7.3.99	22.6.99	Polis
8.	Mohd. Ali	50	Lelaki	Melayu	2.4.99	14.4.99	Wad
9.	Rosman	49	Lelaki	Melayu	14.4.99	21.4.99	Wad
10.	Susmati	37	Perempuan	Indonesia	20.4.99	28.4.99	Wad
11.	Md. Nasir	49	Lelaki	Melayu	27.4.99	7.5.99	Polis
12.	Unknown	40	Lelaki	Melayu	5.12.98	16.12.98	Polis
13.	Unknown	Dewasa	Lelaki		31.12.98	4.2.99	Polis
14.	Ponimin	29	Lelaki	Indonesia	31.12.98	15.1.99	Polis

**ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989
FATWA TENTANG HUKUM MAYAT YANG DISIMPAN
LAMA ATAU DIKOREK SEMULA UNTUK DIJADIKAN
SEBAGAI BAHAN KES DI DALAM MAHKAMAH**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

En. 2/1989

JADUAL

- (1) Harus mengorek semula mayat yang disimpan lama untuk dijadikan bahan kes dalam Mahkamah.
- (2) Hujah yang menyatakan demikian diqiaskan kepada hukum harus mengorek semula kubur dengan tujuan untuk ditanam dengan mayat lain.
- (3) Sebab-sebab syarie yang mengharuskan dikorek semula tanah perkuburan ialah:
 - (i) kubur lama yang diketahui mayat-mayatnya telah reput dan menjadi tanah;
 - (ii) apabila kubur-kubur itu dicemari kotoran atau ditenggelami air; dan
 - (iii) apabila kubur / mayat itu masih terikat dengan hak manusia yang masih hidup.

Dibuat pada 16 Januari 2001.

[MUFTI. Sel. 500-2; PU. Sel. AGM/0007 JId. 2]

DATO' HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
*Dato' Seri Utama Diraja,
Mufti Negeri Selangor*